

|            |                                   |             |                     |
|------------|-----------------------------------|-------------|---------------------|
| Headline   | Maklumat di FB, Twitter           |             |                     |
| MediaTitle | Harian Metro                      |             |                     |
| Date       | 24 Sep 2013                       | Color       | Full Color          |
| Section    | Setempat                          | Circulation | 324,097             |
| Page No    | 28                                | Readership  | 1,981,000           |
| Language   | Malay                             | ArticleSize | 262 cm <sup>2</sup> |
| Journalist | Daripada Badrila Jamlus di Makkah | AdValue     | RM 9,676            |
| Frequency  | Daily                             | PR Value    | RM 29,029           |



SYED Saleh pada sidang media di Abraj Al-Janadiriyyah.

## ■ TH perkenal laman sembang sosial untuk jemaah, ahli keluarga dapat khabar terkini

**Daripada Badrila Jamlus  
di Makkah**

**T**abung Haji (TH) pada tahun ini memperkenalkan laman sembang sosial Facebook (FB) dan Twitter, bagi kemudahan jemaah yang mahir menggunakan telefon pintar atau tablet untuk mendapatkan maklumat terkini mengenai operasi TH di Tanah Suci.

Ketua Rombongan Haji Malaysia Datuk Syed Saleh Syed Abdul Rahman berkata, penggunaan media baru itu turut menjadi platform ke-

pada ahli keluarga jemaah di Malaysia mendapatkan khabar berita dan pada masa akan datang, pihaknya merancang memasukkan aspek bimbingan dalam FB.

“Bagaimanapun, daripada segi bimbingan, kita sudah memasukkan program ini

dalam bentuk buku elektronik (e-book) yang membolehkan jemaah memuat turun menerusi penggunaan telefon pintar atau tablet,” katanya pada sidang media mengenai perkembangan terkini jemaah haji Malaysia di pusat operasi TH di Abraj Al-Janadiriyyah di sini, semalam.

Beliau berkata, setakat ini, kira-kira 12,000 jemaah iaitu 60 peratus daripada jumlah keseluruhan 22,320 jemaah sudah tiba di Tanah Suci bagi menunaikan ibadat haji dengan sebahagian besarnya sudah berada di Makkah.

Katanya, jumlah jemaah haji Malaysia sekarang semakin ramai di Makkah selepas penerbangan terus membawa jemaah haji ke Makkah bermula, kelmarin dan jema-

ah yang masih berada di Makkah juga berkurangan daripada 5,000 orang serta sedang memasuki Makkah secara berperingkat sehingga 28 September.

“Tiga lagi penerbangan yang membawa 910 jemaah haji terus ke Makkah sudah tiba kelmarin dan TH menyambut kira-kira 1,000 jemaah di Makkah setiap hari,” katanya sambil menambah setakat ini lima daripada lapan buah maktab TH di Makkah sudah beroperasi sepenuhnya.

Mengenai talian ibadat (TAIB) yang diperkenalkan TH tahun lalu, Syed Saleh berkata, secara purata pihaknya menerima 10 panggilan sehari dan menjangkakan jumlah panggilan itu akan meningkat apabila jumlah jemaah yang tiba di Makkah mencecah 70 peratus.